

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 12 MAC 2016 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Suhu dijangka lebih tinggi jika tiada hujan - Madius	Utusan Malaysia
2	Malaysia perlu bersedia hadapi fenomena El Nino	Berita Harian
3	Cuping, Alor Setar catat suhu tertinggi 38.5 darjah Celsius	Utusan Malaysia
4	Scorching heat on March 20	The Star
5	High-Level discussion needed to address transboundary haze issues – Lee Lam Thye	Bernama.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 12 MAC 2016 (SABTU)

Suhu dijangka lebih tinggi jika tiada hujan – Madius

KUALA LUMPUR 11 Mac - Suhu di negara ini dijangka melepasi 38.5 darjah Celsius terutamanya di negeri-negeri utara Semenanjung iaitu Kedah, Perlis dan Pulau Pinang sekiranya tiada hujan minggu ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, selain di utara Semenanjung, keadaan sama dijangka berlaku di Lembah Klang dengan suhu lebih tinggi berbanding biasa pada waktu malam.

Katanya, keadaan cuaca panas yang dirasakan di beberapa tempat pada masa ini adalah disebabkan keadaan cuaca kering, tiada hujan dalam tempoh yang panjang dan kesan fenomena El Nino yang kuat.

"Sehingga semalam, suhu tertinggi dicatatkan adalah 38.5 darjah Celsius di Alor Star, Kedah dan Chuping,

Perlis. Malah, fenomena Ekuinoks yang menyebabkan cuaca panas terik diramal berlaku pada 20 Mac ini.

"Keadaan cuaca panas ini boleh menyebabkan berlakunya gelombang haba apabila suhu mencecah 35 darjah Celsius selama lima hari berturut-turut atau 37 darjah Celsius selama tiga hari berturut-turut," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Fenomena Ekuinoks berlaku ketika matahari melintasi garisan Khatulistiwa untuk mengubah kedudukannya dari hemisfera Selatan Bumi ke hemisfera Utara Bumi setelah ia menghabiskan masanya enam bulan yang lalu di hemisfera Selatan Bumi.

Ketika fenomena ini berlaku, mereka yang berada di atas atau berdekatan dengan garisan Khatu-

listiwa akan mendapati matahari berada tepat di atas kepala pada waktu tengah hari bergantung kepada waktu tempatan masing-masing.

Bagaimanapun kata Madius, pada penghujung Mac nanti, cuaca panas dan kering akan berkurangan berikutan bermulanya musim peralihan yang akan membawa lebih banyak hujan dan ribut petir pada lewat petang.

"Oleh itu, dalam tempoh masa panas dan kering, orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati melakukan aktiviti luar terutamanya bagi warga emas, kanak-kanak dan mereka yang sensitif kepada cuaca panas.

"Selain itu, orang ramai dinasihatkan supaya minum lebih banyak air bagi mengelakkan masalah kekurangan air dalam badan," katanya.

Malaysia perlu bersedia hadapi fenomena El Nino

Cuaca panas melampau yang dirasai di seluruh negara sejak hujung tahun lalu adalah kesan fenomena El Nino. Ia memberikan pelbagai kesan dengan terbaharu yang diperkatakan adalah peningkatan dalam suhu air laut terutama di perairan Pantai Timur negara. Malah, ia juga boleh menyebabkan kemusnahan rantaian kehidupan marin sekali gus memberi impak kepada manusia. Walaupun kesannya dilihat belum begitu ketara di negara ini, ia sudah dialami di perairan Lautan Pasifik yang menyaksikan kematian batu karang selain ada yang mengalami penggondolan seperti dikatakan Jilian Hyde, Pengurus Besar Reef Check Malaysia, sebuah pertubuhan yang terbabit dalam pemuliharaan batu karang. Jika dari satu segi kita melihat fenomena ini membuka ruang kepada kajian berhubung keadaan ini, namun apa yang penting adalah persediaan kita dalam menghadapi situasi ini bagi memastikan langkah berkaitan dapat diambil jika keadaan ini dialami kembali pada masa akan datang. Dijangka berakhir antara April hingga Jun ini berdasarkan ramalan **Jabatan Meteorologi** bahawa keadaan dialami kali ini mempunyai persamaan dengan suasana yang melanda negara pada tahun 1997 dan 1998 apabila suhu mencatat peningkatan antara 0.5 hingga 2 darjah Celcius. Jelas, kesan fenomena El Nino yang dialami pada masa ini seharusnya memberi ruang untuk kita mengambil tindakan tertentu yang boleh diambil pada masa akan datang selain mencari alternatif dalam memastikan kehidupan kita tidak terjejas akibat El Nino.

Fenomena ini memberi kesan kepada orang awam terutama kerana cuaca yang panas dan kering selain mengakibatkan berlakunya jerebu disebabkan pembakaran terbuka, krisis bekalan air dan penularan penyakit bawaan vektor, air dan makanan. Pendedahan kepada cuaca panas juga boleh memberi kesan yang pelbagai kepada kesihatan iaitu dari sederhana kepada teruk seperti strok haba yang boleh menyebabkan kematian. Justeru, apa yang perlu dipastikan adalah tiada pembakaran terbuka dilakukan dan kegiatan membersihkan hutan bagi tujuan pertanian dilaksanakan pada waktu begini. Bagi memastikan sumber bekalan air tidak terjejas, pihak berkaitan harus mula memikirkan kaedah pengambilan air bawah tanah sebagai alternatif kerana curahan hujan berkurangan pada waktu ini yang menyebabkan ada empangan terjejas. Kaedah ini seharusnya dijadikan agenda tetap supaya catuan bekalan yang dialami beberapa negeri seperti pada tahun 2014, dapat diperbaiki. Begitu juga dalam kalangan pentadbiran sekolah yang perlu bersedia menukar jadual persekolahan bagi mengelak pelajar terdedah kepada kepanasan. Pada masa sama, kita mengharapkan orang ramai sentiasa mengambil sikap lebih bertanggungjawab terhadap kebersihan kerana fenomena ini turut diketahui sebagai punca utama peningkatan dalam kes jangkitan demam denggi. Apa yang pasti, penggunaan bil elektrik sudah tentu meningkat pada musim panas sekarang, kerana penggunaan hawa dingin.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 12 MAC 2016 (SABTU)

Cuping, Alor Setar catat suhu tertinggi 38.5 darjah Celsius

KUALA LUMPUR 11 Mac - Chuping, Perlis dan Alor Setar mencatatkan suhu tertinggi sepanjang tahun ini dengan bacaan 38.5 darjah Celsius, kesan daripada fenomena El Nino dan Monsun Timur Laut yang dialami negara sejak Oktober tahun lalu.

Pegawai Meteorologi Jabatan Meteorologi Malaysia, Ambun Dindang berkata, bacaan tersebut yang direkodkan pada bulan ini bagaimanapun belum mengatasi suhu paling panas yang pernah direkodkan dalam sejarah negara iaitu 40 darjah Celsius, juga di Chuping pada 1998.

"Pada kebiasaannya suhu normal negara adalah antara 36 atau 37 dar-

jah Celsius, namun akibat daripada musim panas dan kering yang kita alami sekarang suhu telah meningkat pada tahap tertinggi setakat ini iaitu 38.5 darjah Celsius.

"Dalam sejarah negara suhu paling tinggi pernah dicatatkan adalah 40 darjah Celsius pada 9 April 1998 di Chuping, juga kesan daripada fenomena El Nino," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas tentang fenomena El Nino kuat yang menyebabkan suhu negara meningkat antara 0.5 hingga 2.0 darjah Celsius berbanding keadaan biasa.

Ambun menambah, hasil peman-

tauan yang dijalankan dari 1 hingga 10 Mac mendapati Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu merupakan negeri yang menerima taburan hujan paling sedikit di Semenanjung Malaysia iaitu 10 milimeter (mm).

Katanya lagi, Sarawak merupakan negeri yang menerima taburan hujan paling tinggi dengan Kuching sebanyak 327.2 mm, Sibu (272.8 mm), Kapit (189.2 mm) dan Sri Aman (101.0 mm).

"Cuaca kering dan kekurangan hujan ketika ini adalah kesan daripada fenomena El Nino dan Monsun Timur Laut yang dijangka berakhir pada penghujung bulan Mac atau awal April ini.

Scorching heat on March 20

Simmering state:
Apartments slightly
shrouded by
ground-level ozone
with a moderate
API reading of 124
in Batu Muda
yesterday.



'Current spell may culminate in record temperatures'

PETALING JAYA: Scorching heat is forecast on March 20 due to the equinox phenomenon.

The current hot spell could cause a heatwave if the temperature exceeds 35°C for five straight days, or 37°C for three consecutive days, said Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau.

In a statement, he said that of late, the highest temperature was recorded on Thursday in Alor Setar, and Chuping (Perlis) where it peaked at 38.5°C.

He said if the rain continued to

stay away, then Kedah, Perlis and Penang could record even higher temperatures.

"As for the Klang Valley, the nights will be hotter than usual," he said.

Malaysians, especially senior citizens and children, should take precautions when engaging in outdoor activities. "Drink more water to prevent dehydration," he said.

Tangau said the hot and dry weather was projected to ease by the end of the month following the inter-monsoon season where there would be more rain and thunderstorms in the evening.

On another matter, the Department of the Environment said yesterday that the Air Pollutant Index (API) readings recorded in the Klang Valley was due to ground level ozone and not the PM10 fine dust that is part of a haze.

Ground level ozone is a secondary pollutant formed by chemical reactions triggered by the presence of ultraviolet rays in sunlight.

"The API is based on five parameter pollutants - PM10 (indicator of haze), SO₂, NO₂, CO and ground level ozone (O₃). In the API calculation, the most prominent parameter

becomes the API of that particular time or hour," the DOE said.

"The contributing factor to high ground level ozone is due to high intensity sunlight since the weather now is very hot and dry, resulting from the El Nino."

Moderate API readings were recorded in Petaling Jaya at 103, Shah Alam (103) and Batu Muda (124) at 2pm yesterday.



See Page 28

Indonesia to start
firefighting early



High-Level Discussion Needed To Address Transboundary Haze Issues - Lee Lam Thye

KUALA LUMPUR, March 11 (Bernama) -- A high-level discussion is needed to address the transboundary haze issues and find ways to solve the problem once and for all, said social activist, Tan Sri Lee Lam Thye.

Lee, who is also Malaysian Crime Prevention Foundation vice president, said there should be bilateral talks between Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak and Indonesian President Joko Widodo.

"The bilateral memorandum of understanding (MoU) was proposed after all ASEAN members ratified the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution.

"It was reported that the MoU between Kuala Lumpur and Jakarta was scheduled to be signed on Sept 18 last year but was postponed to Sept 25 before being delayed again. Until now, no new date has been set for the signing of the MoU," he said in a statement here, today.

Lim said it was heartening to note that Natural Resources and Environment (NRE) Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar was doing his best to get both sides to sign the MOU but the minister had yet to receive any response from his counterpart.

Earlier on Monday, Indonesia's western province of Riau has declared a state of emergency over forest and land fires blazing on the island of Sumatra.

The report sparked fears of a recurrence of haze in the country.

"Malaysia should avoid a repeat of last year's haze at all cost. Last year, the thick haze, which enveloped the country from August to October, was one of the worst in Malaysia," he added.

Lee also commented on the report from the Meteorological Department that said the forest fires in Riau should not be an immediate concern as the northeasterly wind would not bring the haze particles to Malaysia.

"But what will happen in May and June when the winds change direction?

"Malaysia has to be pro-active and take preventive action as the haze issue is one of

great concern for everyone because it affects the whole country in terms of people's health, healthcare expenses, environment, economy and many others," he said.

The NRE ministry also needed to expedite the implementation of the law, to make parties responsible for causing air pollution in Malaysia accountable for their actions in neighbouring countries such as illegally burning forests and peatlands, he said.

-- BERNAMA